

KENYATAAN MEDIA

11 MEI 2021

**Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)**
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Nasihat Orang Ramai Utamakan Keselamatan Elektrik Dan Gas Di Musim Perayaan

Putrajaya, 11 Mei – Menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan norma baharu dan dalam suasana negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan kali ketiga (PKP 3.0), orang ramai perlu peka dalam melaksanakan kawalan kendiri dan mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) untuk bersama-sama memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. Orang ramai juga dinasihatkan untuk mengutamakan keselamatan elektrik dan gas di musim perayaan ini. Di setiap musim perayaan penggunaan elektrik dan gas oleh orang ramai kebiasaannya akan meningkat bagi membuat persiapan sambutan perayaan. Sehubungan itu, Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin mengingatkan orang ramai agar mengamalkan tips keselamatan seperti berikut:

Keselamatan Elektrik

1. Guna peralatan elektrik yang diluluskan dan mempunyai label keselamatan SIRIM-ST.
2. Pastikan peralatan elektrik dalam keadaan sempurna. Elak daripada mengubahsuai peralatan elektrik yang rosak.
3. Elak daripada menekan suis elektrik dengan tangan yang basah.
4. Elak daripada menggunakan telefon bimbit ketika ia sedang dicas.
5. Elak daripada membebangkan soket alir keluar dengan palam yang berlebihan.
6. Pastikan semua suis dan peralatan elektrik di rumah dimatikan sekiranya anda tiada di rumah.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

7. Jangan menggantung perhiasan perayaan pada tiang/talian elektrik atau pepasangan elektrik.
8. Uji Peranti Arus Baki (PAB) dengan menekan butang uji 'T' sekurang-kurangnya sekali sebulan. Jika PAB berfungsi dengan baik, ia akan terpelantik dan bekalan elektrik akan terputus serta-merta. PAB yang berfungsi dengan baik akan dapat melindungi pengguna daripada terkena renjatan elektrik sekiranya terdapat kebocoran arus.
9. Sekiranya PAB tidak berfungsi atau rosak, dapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST untuk menggantikan PAB atau sebarang kerja ubah suai pendawaian elektrik di rumah.

Keselamatan Gas

1. Pastikan alat pengesan kebocoran gas berfungsi dengan baik.
2. Guna peralatan dapur gas yang diluluskan dan mempunyai label keselamatan SIRIM-ST.
3. Pastikan peralatan dapur gas dalam keadaan sempurna.
4. Pastikan injap gas ditutup sekiranya untuk sesuatu masa yang lama.
5. Elak daripada meletakkan barang-barang yang panas di atas silinder gas.
6. Elak daripada membaringkan silinder gas ketika memasak.
7. Dapatkan perkhidmatan kontraktor gas yang berdaftar dengan ST untuk kerja pembaikan perpaipan gas di rumah.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.